

Buletin Servis Teknikal Tayar PLT

Arahan Keselamatan Pemasangan Tayar Bagi tayar kenderaan berpenumpang & trak ringan Continental

Arahan keselamatan pemasangan tayar ini adalah sah bagi semua jenama tayar yang dikeluarkan oleh Continental AG dan ia tidak bertujuan untuk memberikan latihan secara sepenuhnya atau prosedur servis bagi pemasangan tayar. Sila rujuk perkara ini kepada pihak yang berkecualan di dalam perkhidmatan tayar profesional.

PERINGATAN KESELAMATAN!

Memasang tayar pada rim boleh menjadi bahaya.

Memasang tayar harus dilakukan oleh pihak yang berkecualan di dalam perkhidmatan tayar profesional.

Jangan melakukan prosedur servis tayar tanpa latihan yang betul, peralatan dan kelengkapan yang mencukupi. Cubaan untuk memasang tayar dengan cara yang salah, peralatan yang rosak atau tidak lengkap dan/atau tidak mengikut prosedur yang betul boleh mengakibatkan tayar meletup di mana menyebabkan kecederaan yang serius atau kehilangan nyawa.

Selalu baca, memahami dan ikut sebarang peringatan dari pihak pengeluar tayar yang tercatat di dalam buku panduan pelanggan, pada peralatan tersebut, maklumat yang tersenarai di dalam laman sesawang dan/atau tertulis dibahagian tepi tayar (*sidewall*).

Jangan mengepam angin tayar ditempat yang tidak selamat. Jangan berdiri, menyandar, atau meletakkan jari di antara tayar dan rim yang telah dipasang ketika proses mengepam angin. Jarakkan diri anda jauh dari tayar yang sedang dipam bagi pertimbangan keadaan setempat.

Pastikan kelengkapan perlindungan peribadi yang bersesuaian seperti cermin mata keselamatan, perlindungan pendengaran, kasut kerja.

Bagi keselamatan diri anda dan pihak lain:

Aspek Umum:

- Saiz tayar mesti padan dengan kelebaran dan diameter rim seperti yang telah diluluskan oleh pengeluar model kereta berkaitan. Sebagai contoh, tayar yang berdiameter 17 inci mesti dipasang hanya pada rim yang bersaiz 17 inci, tidak dipasang pada rim bersaiz 17.5 inci. Jika tayar telah dipasang pada saiz rim yang salah, jangan memasang tayar tersebut sekali lagi pada saiz rim yang betul – lupuskan tayar itu. Ia telah mengalami kerosakan dibahagian dalaman (di mana ia tidak boleh dilihat dari bahagian luaran) dengan akibat regangan yang merbahaya dan akan mengalami kerosakan ketika proses pemasangan atau apabila ia digunakan nanti.

- Hanya gunakan saiz rim yang betul, dalam keadaan baik, bersih dan bebas dari masalah karat atau hakisan. Semestinya ia tiada mengalami sebarang kerosakkan, mempunyai bentuk yang berbeza dari yang asal atau telah terlalu lama digunakan.
- Tayar mesti bebas dari sebarang kerosakkan dan juga mesti bebas dari sebarang bahan asing dibahagian dalam tayar.
- Ketika proses pemasangan tayar bertiub, selalu gunakan tiub yang baru. Ini adalah kerana tiub lama yang telah mengalami regangan ketika digunakan, mempunyai risiko pembentukan lipatan pada tiub tersebut. Oleh itu, dengan menggunakan tiub itu semula yang boleh menyebabkan ia terkoyak dengan serta merta.
- Tayar tanpa tiub mestilah dipasang pada jenis rim yang telah direkabentuk bagi tayar tanpa tiub. Contohnya, rim yang mempunyai lekukan keselamatan (*safety humps*) atau tebing.
- Bagi tujuan keselamatan, tayar tanpa tiub seharusnya mesti dipasang dengan injap angin yang baru. Sila pastikan tekanan angin maksimum yang dibenarkan bagi injap angin adalah mengikut spesifikasi pengeluar injap angin – kebiasaannya 450 kpa (4.5 bar) / 65 psi bagi injap getah. Injap besi atau injap bertekanan tinggi mesti digunakan bagi tekanan angin yang melebihi tahap tersebut.
- Jika Sistem Pemantauan Tekanan Angin Tayar (*Tire Pressure Monitoring System - TPMS*) digunakan, sila rujuk apakah yang disyorkan oleh pihak pengeluar kereta samada sensor itu mesti selenggara atau digantikan sewaktu petukaran tayar.

Pengasingan Tayar:

- Sebelum tayar diasingkan dari rim, injap angin yang masih dipasang, skrunya mesti dibukakan terlebih dahulu dan ditanggalkan sepenuhnya bagi memastikan tekanan angin yang tersimpan di dalam tayar dapat dilepaskan secara keseluruhan.

Pemasangan Tayar:

- Sebelum pemasangan, sering pastikan dibahagian *bead* tayar disapukan dengan pelincir pemasangan tayar yang dibenarkan. Silikon, petroleum atau pelincir yang berbentuk larutan sudah semestinya tidak boleh digunakan bagi tujuan ini.
- Ketika tayar yang sedang dipamkan angin, rim mesti berada dikedudukan yang selamat di atas mesin pemasangan.
Jika tayar tersebut dipasang menggunakan mesin yang tidak mempunyai peralatan mengunci untuk memegang rim, proses mengepam angin perlu dijalankan di dalam sangkar keselamatan atau menggunakan peralatan penahan yang lain.
- Jangan meletakkan bahan-bahan yang mudah terbakar pada bahagian tayar/rim pada bila-bila masa. Jangan meletakkan bahan-bahan yang mudah terbakar pada bahagian tayar/rim pada bila-bila masa dan cuba menyalakan bagi tujuan memasukkan *bead* di atas lekukan rim. Cara ini adalah sangat berbahaya dan boleh juga menyebabkan kerosakkan yang tidak boleh dikenalpasti pada tayar atau rim yang boleh mengakibatkan kerosakkan tayar ketika digunakan.
- Ketika memasang tayar kereta tanpa tiub, penjagaan bagi memastikan *bead* tayar telah melepasi lekukan pada bahu rim. Bagi mengelakkan retakan dibahagian *bead core*, bunyi “pop” sepatutnya tidak melebihi tekanan angin sebanyak 330 kpa (3.3 bar / 48 psi). Jika tayar tersebut tidak berbunyi “pop” dalam tekanan angin tersebut, maka tekanan angin mesti dilepaskan semula dan pastikan apakah puncanya dikenalpasti dan elakkan. Kemudian, prosedur tersebut boleh diulangi semula.
- *Perletakan bead (bead seating)* yang baik dapat menampung tekanan angin ketika ditambah hanya apabila *bead* tayar berada dikedudukan yang betul di atas bahu rim dan pemasangan di atas bibir rim adalah lebih optima. Walaubagaimanapun, tekanan perletakan (*seating pressure*) ini jangan sekali-kali melebihi tekanan angin sebanyak 400 kpa (4.0 bar) / 58 psi.
- Di sesetengah negara, perbezaan nilai maksima tekanan angin bagi pemasangan tayar telah diterima pakai oleh setiap organisasi piawai tempatan. Sila rujuk pada jadual di bawah terdapat contoh-contoh untuk sesetengah negara sebagai panduan (status July 2018, tiada jaminan bagi kelengkapan, kebenaran dan ketepatan).

Negara	Tekanan Angin Maksima Pemasangan Tayar	Piawaian
Jerman	Tekanan Pop: 330 kpa (3,3 bar) / 48 psi Tekanan Peletakan (<i>Seating Pressure</i>): 400 kpa (4,0 bar) / 58 psi	WDK
Amerika Syarikat / Kanada	275 kpa (2,75 bar) / 40 psi	RMA/USTMA
Brazil	275 kpa (2,75 bar) / 40 psi	ALAPA
Jepun	300 kpa (3,0 bar) / 44 psi	JATMA

- Apabila tayar telah dipasang dengan betul, ubah tekanan angin pada tekanan yang disyorkan oleh pengeluar kenderaan.

Tayar-tayar Run Flat (SSR):

- Oleh kerana dengan penglibatan teknologi yang khas, tayar-tayar SSR run flat perlu dipasang dan diasingkan hanya oleh bengkel yang telah dilatih secara khusus dimana ia telah diiktiraf oleh Continental. Arahan pemasangan tayar secara terperinci / video bagi tayar-tayar SSR run flat boleh didapati dilaman sesawang www.conti-ssr.com.

Hubungi:

Technical Customer Services Tires

Email: technical.bulletin.tires@conti.de